

Headline **18 pelatih pusat serenti didakwa**
Date **27 Jun 2009**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,917 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **16**
Article Size **296 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **6,279**
PRValue **18,836**



ROSI/AHMAD | BERITA HARIAN

SEBAHAGIAN daripada 18 pelatih Pusat Serenti Kampung Selamat, Tasek Gelugor dibawa masuk ke Mahkamah Sesyen Butterworth, semalam.

18 pelatih pusat serenti didakwa

Amin Ridzuan Ishak

Tuduhan bakar 7 blok bangunan

BUTTERWORTH: Lapan belas pelatih Pusat Serenti Kampung Selamat, Tasek Gelugor, yang melarikan diri ketika rusuhan di pusat itu minggu lalu, didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam.

Semua mereka yang mengaku tidak bersalah dituduh berhimpun secara haram dan melakukan khianat dengan membakar tujuh blok bangunan pusat itu, minggu lalu.

Mereka ialah B Sivasangar, 37; Mohd Zulkifli Hassan, 29; Mohd Imanuddin Shamsul Rahman Khan, 22; J Murugesan, 28; Baharuddin Chandili, 34; Zuhami Sudin, 38; Khairul Anuar Mahmud, 27.

Mohd Hasrul Hassan, 27; Saleh Faisal, 43; Selbion Jalil, 29; Noor Azrin Azman, 31; Mohd Imran Mahad, 26; Mohd Nizam Abu Bakar, 29; Mohd Norhasmi

Taib@Hashim, 32; Mohd Sarihan Abd Samad, 28; Abd Rahman Abd Hamid, 26; Mohd Azizi Abd Rahman, 27 dan Sharian Yahya, 30.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 436 Kanun Keseksaan yang dibacakan bersama Seksyen 149 kanun sama yang membawa hukuman penjara sehingga 20 tahun dan didenda jika sabit kesalahan.

Mengikut pertuduhan yang dibacakan serentak, semua tertuduh didakwa menjadi ahli kepada satu perhimpunan haram dan melakukan khianat dengan membakar tujuh blok bangunan Pusat Serenti Kampung Selamat kira-kira jam 6.30 petang, 19 Jun lalu.

Tujuh blok itu adalah bangunan pentadbiran, stor, dewan utama, kompleks terapi komuniti, pejabat aktiviti, balai pengawal bertugas, balai pegawai bertugas dan pos polis bantuan.

Semua tertuduh memahami

pertuduhan dibacakan jurubahasa di depan Hakim Julie Lack Abdullah dan mengaku tidak bersalah.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Yusaini Amer Abdul Karim, manakala semua tertuduh tidak diwakili peguam.

Julie menetapkan 23 Julai ini untuk sebutan semula kes dan mengarahkan tertuduh melantik peguam.

Sementara itu, seorang tertuduh memohon kepada mahkamah supaya mereka dipindahkan ke penjara di Alor Setar, sementara menunggu prosiding seterusnya berikutan persekitaran kurang selesa di Penjara Pulau Pinang serta ada di kalangan mereka menghidap penyakit kronik dan positif HIV.

“Kami merayu kepada Puan Hakim untuk mempertimbangkan rayuan kami supaya dipindahkan ke penjara di Alor Setar kerana keadaan di

Headline **18 pelatih pusat serenti didakwa**
Date **27 Jun 2009**
MediaTitle **Berita Harian**

sini tidak selesa dan ada rakan kami menghidap penyakit kronik serta positif HIV," katanya.

Bagaimanapun, Julie menolak permohonan itu dan memerintahkan semua tertuduh ditahan di Penjara Pulau Pinang.